

No. Rujukan : USM.JB.HB.G.6/2018  
Tarikh : 3 April 2018

**Universiti Sains Malaysia**  
11800 USM Pulau Pinang  
T: 04-653 3131 / 04-653 4288  
F: 04-658 8205  
E: bursar@usm.my  
L: bursary.usm.my / www.usm.my

Semua Warga Staf  
Universiti Sains Malaysia

YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan

**HEBAHAN BENDAHARI 6/2018  
PENERIMAAN BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA SELAIN DARIPADA KELULUSAN  
SPESIFIKASI/SKOP PEROLEHAN**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sebagaimana dimaklumi, penerimaan bekalan/perkhidmatan/kerja bagi sesuatu perolehan hendaklah berdasarkan spesifikasi/skop yang dipohon dan diluluskan oleh pihak berkuasa melulus mengikut had nilai perolehan yang ditetapkan.
3. Namun begitu, sejak kebelakangan ini termasuk melalui penemuan audit, Universiti mendapati terdapat pusat tanggungjawab (PTJ) telah menerima bekalan/perkhidmatan/kerja yang tidak berdasarkan spesifikasi/skop yang diluluskan. Universiti amat memandang serius perkara ini yang membabitkan penerimaan bekalan/perkhidmatan/kerja tanpa kelulusan.
4. Oleh itu, baru-baru ini pihak Universiti telah menerima penasihat daripada Bahagian Perolehan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) berkenaan perkara berikut:
  - a) bahawa mana-mana bekalan/perkhidmatan/kerja yang diperoleh secara tender dan/atau sebutharga, PTJ hanya boleh menerima bekalan/perkhidmatan/kerja yang tersenarai sepertimana di dalam tender/sebutharga tersebut sahaja;
  - b) sekiranya pihak pembekal berhasrat memberikan tambahan bekalan/perkhidmatan/kerja selain daripada yang tersenarai/disebutkan dalam spesifikasi tender dan/atau sebutharga tersebut, maka staf/PTJ berkenaan hendaklah memaklumkan terlebih dahulu kepada pihak Bendahari Universiti bagi barangan tambahan yang hendak diberikan oleh pembekal tersebut;
  - c) pihak Bendahari seterusnya akan mempertimbangkan keperluan barangan tambahan tersebut sekiranya dibenarkan diambilkira secara formal di dalam perjanjian dan spesifikasi/skop yang diberi.

**HEBAHAN BENDAHARI 6/2018**

**PENERIMAAN BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA SELAIN DARIPADA KELULUSAN SPESIFIKASI/SKOP PEROLEHAN**

5. Kegagalan untuk memaklumkan kepada pihak Bendahari Universiti berkenaan dengan barangan tambahan yang tidak tersenarai dalam senarai pembelian tender dan/atau sebutharga tersebut boleh membuatkan barangan diterima/dibeli adalah tidak sah dan menyalahi peraturan dan prosedur perolehan Universiti.

6. Dengan demikian, Jabatan Bendahari amat berharap bahawa perkara seperti ini dapat diberi perhatian dan dipatuhi oleh semua warga Universiti.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
***‘Memastikan Kelestarian Hari Esok’***



**(DR. ROHAYATI MOHD ISA)**  
Bendahari

RMI/KAHA/MA/ZZ/UMS/IB22018

s.k Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor  
Akademik & Antarabangsa

Timbalan Naib Canselor  
Jaringan Industri dan Masyarakat

Timbalan Naib Canselor  
Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni

Timbalan Naib Canselor  
Penyelidikan dan Inovasi

Pendaftar

Dekan  
Pusat Pengajian  
Kampus Induk, Kejuruteraan, Kesihatan

**HEBAHAN BENDAHARI 6/2018  
PENERIMAAN BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA SELAIN DARIPADA KELULUSAN  
SPESIFIKASI/SKOP PEROLEHAN**

s.k Pengarah  
Hospital Universiti Sains Malaysia

Pengarah  
Institut Perubatan dan Pergigian Termaju

Timbalan Bendahari  
Kampus Kesihatan

Timbalan Bendahari  
Kampus Kejuruteraan

Penolong Bendahari Kanan  
Institut Perubatan dan Pergigian Termaju